



## Siaran Akhbar

### JENDELA 1: INFRASTRUKTUR DIGITAL 99.1% SIAP

**CYBERJAYA, 26 Januari 2026** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terus memperkukuh usaha memperluaskan liputan dan kesalinghubungan negara menerusi pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 dan Fasa 2, termasuk penambahbaikan liputan Internet di Tujuh Kawasan Tumpuan (7 *Focus Areas*) merangkumi institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kawasan pelancongan, stadium, kawasan acara, kem tentera, hospital dan lebuhraya.

Di bawah JENDELA Fasa 1, liputan, kapasiti dan kualiti jalur lebar mudah alih telah dipertingkatkan melalui pembinaan **1,661 struktur** menara komunikasi baharu dengan perkongsian Rangkaian Akses Radio (RAN) menerusi pendekatan Rangkaian Teras Pelbagai Operator (MOCN).

Status Pembinaan Menara	Sasaran	Bilangan Menara	Peratus Pencapaian
Siap dibina	1,661	1,646	99.1%
Beroperasi sepenuhnya (2G & 4G)	-	1,618	98.3% (daripada yang siap dibina)

Jadual 1: Status pembinaan menara setakat 31 Disember 2025. Keseluruhan pembinaan menara ini dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama 2026.

Bilangan premis yang diliputi rangkaian (*premises passed*) turut meningkat daripada 4.96 juta premis sebelum pelaksanaan JENDELA kepada **9.81 juta premis** setakat akhir Disember 2025, sekali gus melepasi sasaran sembilan (9) juta premis. Kelajuan median muat turun jalur lebar mudah alih turut meningkat kepada **143.70 Mbps<sup>1</sup>**, melepasi sasaran yang ditetapkan. Setakat akhir Disember 2025, liputan Internet di kawasan berpenduduk telah meningkat daripada 91.8 peratus sebelum pelaksanaan JENDELA, kepada **99.71 peratus<sup>2</sup>**.

Pencapaian ini disokong oleh inisiatif pembangunan rangkaian oleh Pengendali Rangkaian Mudah Alih (MNO), termasuk pembinaan infrastruktur 4G baharu,

<sup>1</sup> Berdasarkan laporan Ookla Global Index (<https://www.speedtest.net/global-index>) setakat Disember 2025.

<sup>2</sup> Berdasarkan penilaian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

penaiktarafan tapak sedia ada serta manfaat perkongsian MOCN. Bermula Ogos 2025, setiap MNO telah mengemukakan perancangan penambahbaikan liputan yang dipantau oleh MCMC, disokong oleh Garis Panduan Industri bagi Perkongsian Infrastruktur Rangkaian.

<p><b>IPTA</b></p>	<p>Pemasangan lebih <b>34,000 titik akses Wi-Fi (Wi-Fi Access Point)</b> di <b>126 kampus</b> universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, dengan penambahan <b>73,768 titik akses Wi-Fi dirancang</b> bagi memastikan liputan menyeluruh.</p>
<p><b>Kem tentera</b></p>	<p>Penyediaan kemudahan gentian optik di <b>73 kem tentera</b> yang akan memberi capaian <i>Fibre to the Home (FTTH)</i> kepada <b>59,240 Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)</b>.</p>
<p><b>Kawasan acara</b></p>	<p>Peningkatan liputan dan kapasiti rangkaian mudah alih di <b>18 IPTA dan di 17 kawasan acara</b> termasuk Sepang Circuit, SPICE Arena Penang, Sabah International Convention Centre (SICC) dan Borneo Convention Centre Kuching (BCKK).</p>

**Jadual 2: Penambahbaikan liputan dan kualiti Internet di Tujuh Kawasan Tumpuan.**

Pendekatan pelaksanaan yang bersasar dan berfasa ini membolehkan peluasan liputan Internet dilaksanakan secara lebih cekap dan berkesan, termasuk ke kawasan kurang berpenduduk seperti sepanjang jajaran lebuhraya, melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan setempat atau *fit-for-purpose*.

MCMC akan terus memantau pelaksanaan ini bagi memastikan peningkatan liputan dan kualiti perkhidmatan Internet dilaksanakan secara mampan dan berterusan, selaras dengan objektif JENDELA Fasa 2 untuk memperluas akses Internet ke kawasan berpenduduk jarang serta koridor pengangkutan utama.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
 MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
 T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV